



الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA
يُؤْتِيهِ سَيِّدِي إِسْلَامُ أَنْبَارًا يُجَنَّبُ مَلْسِيَّتَا

KAJIAN KES-KES (NAFKAH DAN TAALIK) DI BAWAH
ENACTMENT PENTADBIRAN HUKUM SYARAK NEGERI
TERENGGANU HIL. 4 TAHUN 1955.

Oleh

Haji Abdul Rahman bin Mohd

DIPLOMA UNDANG-UNDANG DAN PENTADBIRAN KEHAKIMAN
ISLAM

UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA

Kajian Kes-Kes (Nafkah dan Taklek)
di bawah Enactment Pentadbiran
Hukum Syarak Negeri Terengganu
Bil. 4 Tahun 1955.

Mukaddimah

Olih kerana kertas kajian ini berkaitan dengan perkahwinan maka penulis akan cuba memaparkan lebih dahulu sedikit huraian mengenainya kemudian akan diikuti pula dengan sedikit penjelasan berhubung dengan talak dan nafkah mengikut pandangan dari kaca mata Islam.

Perkahwinan

Perkahwinan adalah satu daripada tuntutan agama dan satu jalan yang sah dan halal yang telah ditentukan oleh Allah bagi maksud melahir dan mengembangkan zuriat keturunan di kalangan umat manusia dan maksud-maksud lain hasil daripada perkahwinan itu.

Perkahwinan itu pula hendaklah dilangsungkan menurut cara, peraturan dan hukum-hukum yang telah ditetapkan oleh Islam.

Islam dalam menggalakan perkahwinan ini adakalanya ia disebut sebagai satu sunnah atau perjalanan para Nabi dan para-para Rasul yang menjadi ikutan manusia.

Firman Allah yang bermaksud:

Dan demi sesungguhnya kami telah mengutus Rasul-Rasul sebelum ini dan kami jadikan untuk mereka isteri dan zuriat keturunan (1).

Adakalanya ia disebut sebagai nikmat kurniaan Allah.

Firman Allah yang bermaksud:

Dan Allah menjadikan bagi kami dari diri kamu sendiri pasangan-pasangan (isteri) dan dijadikan bagi kamu dari pasangan-pasangan kamu, anak-anak dan cucu cicit serta dikurniakan kepada kamu dari benda-benda yang baik lagi halal (2).

Adakalanya perkahwinan disebut sebagai satu tanda kebesaran Tuhan.

Firman Allah yang bermaksud:

Dan diantara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan sanriatnya bahawa Ia mencipta untuk kamu (wahai kaum lelaki) isteri isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya dan dijadikannya diantara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasehan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir (3).

Telah diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim daripada Anas R.D. katanya yang bermaksud:

Tiga kumpulan datang kerumah isteri-isteri Rasulullah dan bertanya mengenai ibadat Baginda dan apabila diberitahu tentang ibadat itu seolah-olah mereka berkata Ibadat Baginda tidak banyak dan dimana kami kalau dibandingkan dengan Baginda sedangkan Baginda diampuni oleh Allah atas segala dosanya yang dahulu dan yang kemudian.

Selepas itu ada salah seorang berkata saya akan sembahyang sepanjang malam dan tidak akan tidur, seorang lagi berkata saya akan sentiasa berpuasa manakala seorang lain pula berkata saya akan menjauhkan diri dari perempuan dan tidak akan kahwin.

-
- (1) Al Quran, Surah Al Raad ayat 38
(2) " " Al Naahl ayat 72
(3) " " Al Rom ayat 21

Apabila Baginda Rasulullah S.A.W. mendapat tahu mengenai perkara ini Baginda datang menemui mereka bagi memastikan benar tidaknya cerita itu dan Baginda bertanya apakah benar kamu berkata begini-begini, lantas Baginda bersabda aku adalah orang yang paling bertakwa kepada Allah, tapi aku berpuasa dan ada hari yang aku berbuka (tidak berpuasa), aku sembahyang dan ada masa aku tidur dan aku juga berkahwin maka sesiapa yang enggan daripada mengikut sunnah ku maka ia bukan dari golongan ku.

Daripada keterangan yang lalu dapat difahamkan bahawa perkahwinan adalah satu perkara yang digalakkan oleh Islam.

Perkahwinan ada mengandungi banyak hikmat dan pada keseluruhannya adalah memberi kebaikan kepada diri seseorang keluarga, masyarakat dan Agama.

Antara hikmat-hikmatnya ialah:

- i) Bagi membina keluarga dan seterusnya masyarakat yang aman makmur dan bahagia.
- ii) Bagi memelihara seseorang dari godaan sahwat dan melakukan perkara yang haram.

Sehubungan dengan ini Baginda Rasulullah S.A.W. ada bersabda ketika menyeru kaum pemuda yang ada kemampuan berkahwin supaya berkahwin dengan berkata sesungguhnya perkahwinan itu akan memejamkan matanya dan lebih dapat menjaga kemaluan dan sahwatnya dari terjerumus ke lembah maksiat.

Talak (Bercerai)

Talak ertinya merombakkan ikatan perkahwinan antara suami isteri dengan cara yang tertentu sebagaimana yang diterangkan dalam kitab-kitab fekah.

Islam dalam menggalakkan perkahwinan maka pada masa yang sama ia melarang daripada bercerai, ini adalah kerana beberapa sebab,

antara lain ialah bila bercerai satu pasangan maka akan teroboh binaan dan perjanjian ikatan setia yang telah dimeterikan antara kedua dan akan berikuit dengan keretakan hubungan antara keluarga kedua pihak yang terlibat dan sekiranya pasangan telah mempunyai anak maka anak-anak itu akan turut terkurban yang membawa kepada terjejas kehidupan dan kelemahan pendidikan dan akan mendedah mereka kepada gejala-gejala yang bolih merosakkan.

Rasulullah S.A.W. bersabda yang maksudnya: Sebenci-benci perkara halal di sisi Allah ialah bercerai (4).

Hubungan suami isteri kadang-kadang terjejas oleh beberapa keadaan yang berlaku hingga adakalanya membawa kepada hilang kasih sayang antara kedua, hilang juga sifat atau semangat tolong menolong dalam urusan hidup dan agama malahan membawa pula kepada pertengkaran dan benci membenci antara satu dengan lain hingga sampai ke peringkat masing-masing tidak mendengar nasihat dan tidak bolih didamai lagi. Apabila sampai ke peringkat ini maka adalah lebih baik bercerai.

Ta'alik Talak Dalam Enakment Pentadbiran Hukum Syarak Bil.4
Tahun 1955 Negeri Terengganu

Satu perkara yang saya bawa di sini iaitu ada suami isteri yang tidak bahagia dalam hidup berumah tangga atau dengan perkataan lain rumahtangganya selalu kucar kacir dan porak peranda, ini adalah oleh beberapa sebab antara lain, kurang bertanggungjawab kedua-dua pihak, atau pihak-pihak tidak menyempurnakan kewajipan dan tanggungjawab masing-masing, sebagai contoh ada lelaki yang meninggal isterinya sekian lama dan tidak diketahui pula alamatnya dan tidak pula ianya menghantar sebarang berita juga nafkah kepada isterinya itu, selain itu ada juga suami yang berlaku kasar terhadap isterinya samada dengan perkataan atau perbuatan seperti memukul dan sebagainya dan ekoran dari keadaan ini ada isteri-isteri yang mengambil keputusan melarikan

(4) Riwayat Abu Daud dan Hakim

diri daripada suaminya itu dan tinggal dari bersekedudukan dengannya dan kejadian sebegini pernah diadukan kepada Kadi-Kadi untuk di selesaikan.

Selain dari cara itu ada juga isteri-isteri yang terus mengemukakan tuntutan talak menurut ta'aliknya mengikut Sek.105 (1) dan (2) Enactment Pentadbiran Hukum Syarak Bil.4 tahun 1955 Terengganu yang menyebut seperti berikut:

105(1) seorang perempuan yang bernikah jika terhak kepada perceraian dengan mengikut syarat surat ta'aliknya yang diperbuat tatkala bernikah, bolihlah menuntut kepada Kadi supaya membuat keputusan menyatakan bahawa perceraian itu telah berlaku. 105(2) maka hendaklah Kadi itu memeriksa permohonan itu dan membuat apa-apa penyiasatan yang nampak kepadanya wajib untuk menentukan diatas sah atau tidak perceraian itu dan hendaklah, jika ia puas hati yang perceraian itu sah mengikut Hukum Syarak, dan apabila dibayar belanja-belanja yang ditetapkan baginya, mengesahkan perceraian itu dan daftarkan dan keluarkan surat-surat akuan cerai bagaimana cara yang sama dengan yang telah lalu sebutannya itu.

Lafaz Ta'alik Dibawah Enactment Bil.4 Tahun 1955 Terengganu

Tiap kali saya tiada sekedudukan dengan isteri saya Pulanah binti Pulau yang tersebut itu bagi selama tempoh 4 bulan dengan tidak putus-putus samada saya meninggal akan dia atau dia meninggal akan saya dengan ikhtiar atau dengan terpaksa dan tatkala mengadu ia kepada Kadi atau Naib Kadi dan tatkala sabit pada sisinya diatas ketiadaan sekedudukan selama itu maka tertalakkan isteri saya Pulanah binti Pulau itu dengan satu talak.

Beberapa contoh kes taalik yang diputuskan di bawah Sek. 105
Enactment Pentadbiran Hukum Syarak Bil.4 Tahun 1955 Terengganu

1. Ishak bin Mat Jid Lawan Fatimah (Dasimah) binti Said

Pihak-pehak dalam kes ini telah berkahwin pada 5hb. Feb. 1968.

Dalam tahun 1969 Yangkena Tuntut telah meninggalkan isterinya dan tidak balik-balik hingga 25hb. Mac, 1974 tarikh tuntutan ini dibicarakan.

Keputusannya tuntutan talak Fatimah (Dasimah) bt. Said sabit disisi Mahkamah dan memutuskan tertalak yang menuntut dari Yangkena Tuntut menurut taaliknya.

2. Nik Abdullah bin Raja Talib Lawan Tuan Hamidah bt. Ibrahim

Pihak-pehak dalam kes ini berkahwin pada 2hb. April, 1976. Pada 17hb. April, 1976 Yangkena Tuntut menceraikan isterinya Yang Menuntut, kemudian rujuk semula tanpa ridhanya dan dari tarikh itu Yangkena Tuntut tidak balik bersekedudukan dengan Yang Menuntut hingga hari bicara kes ini pada 14hb. Disember, 1976.

Keputusannya tuntutan talak Tuan Hamidah bt. Said sabit disisi Mahkamah dan memutuskan tertalak Yang Menuntut dari Yangkena Tuntut menurut taaliknya.

3. Kalthom @ Ramlah bt. Mohd Amin lawan Talib bin Sa'ari

Pihak-pehak dalam kes ini berkahwin pada 8hb. April, 1967. Pada 19hb. Sept. 1971 Yangkena Tuntut meninggalkan isterinya Yang Menuntut dan tidak balik-balik hingga kehari bicara kes ini pada 20hb. Julai, 1977.

Keputusannya tuntutan talak Kalthom @ Ramlah bt. Mohd Amin sabit disisi Mahkamah dan memutuskan tertalakkan Yang Menuntut dari suaminya Yangkena Tuntut menurut taaliknya.

4. Senik bt. Mohd @ Hasmah bt. Hamid lawan Ismail b. Sulaiman
Pihak-pihak dalam kes ini berkahwin pada 12hb. April, 1973.
Pada 8hb. Julai, 1973 Yang Menuntut meninggalkan suaminya
Yangkena Tuntut dan daripada tarikh itu hingga tarikh bicara
kes ini pada 2hb. Mac, 1974 kedua-dua telah tidak bersekedudukan
keputusannya tuntutan talak Senik bt. Mohd sabit disisi
Mahkamah dan memutuskan tertalakah Yang Menuntut dari suaminya
Yangkena Tuntut menurut taaliknya.

NAFKAH

Bagi maksud mengekalkan satu-satu perkahwinan dan sebolehnya hingga ke akhir hayat, bagi menjamin keharmonian serta tercapai kebahagiaan satu-satu keluarga maka selain daripada Islam telah menetapkan kaedah iaitu keluarga adalah satu dalam ertikata keseluruhan anggotanya hendaklah bersatu, berganding bahu dan bertolong menolong antara satu dengan lain, maka Islam juga telah menetapkan kewajipan-kewajipan dan tanggungjawab-tanggungjawab yang tertentu keatas suami isteri, bapa terhadap anak-anak dan sebaleknya, juga kewajipan antara anggota keluarga.

Antara kewajipan-kewajipan itu dan inilah yang menjadi tajuk di sini iaitu kewajipan memberi nafkah antara pihak-pihak mengikut yang telah ditentukan oleh Islam.

Sabernarnya dalam kewajipan memberi nafkah ini akan memberi erti yang sangat besar kepada pertumbuhan sesebuah keluarga yang mana kesan baiknya akan menular pula kepada masyarakat yang mana anggota-anggota masyarakat itu datangnya daripada anggota keluarga dan sesebuah masyarakat akan menjadi baik bila mana anggotanya terdiri daripada anggota-anggota keluarga yang baik, selain daripada itu tidaklah diragukan bila mana anggota-anggota keluarga tadi masing-masing menyempurnakan kewajipan khususnya dalam perkara nafkah maka akan terpeliharalah keluarga itu dari ditimpa bahaya yang boleh membawa pula kepada berlaku perkara-perkara yang tidak diingini dan sebenarnya inilah juga di antara hikmat diwajibkan memberi nafkah dalam Islam.

Nafkah Isteri

Nafkah disini bolehlah diertikan dengan menyempurnakan keperluan seseorang isteri yang meliputi tempat tinggal, makanan dan minuman, pakaian, bayaran rawatan dan lain-lain bayaran yang diterima oleh adat sesebuah masyarakat.

Hukum bernafkah adalah wajib dengan kitab, sunnah dan Ijma'a.

Antaranya firman Allah yang maksudnya:

Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak mereka selama dua tahun genap, iaitu bagi orang yang hendak menyempurnakan penyusuan itu, dan kewajipan bapa (pula ialah) memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya.

Tidak dibertakan seseorang melainkan menurut kemampuannya. Janganlah menjadi seseorang ibu itu menderita kerana anaknya dan (jangan juga menjadikan) seseorang bapa itu menderita kerana anaknya, dan waris juga menanggung kewajipan yang tersebut itu (jika sibapa tiada).

Kemudian jika keduanya (suami isteri) mahu menghentikan penyusuan itu dengan persetujuan (yang telah dicapai oleh) mereka sesudah berunding, maka mereka berdua tidaklah salah (melakukannya) dan jika kamu hendak beri anak-anak kamu menyusu kepada orang lain maka tidak ada salahnya bagi kamu apabila kamu serahkan (upah) yang kamu mahu beri itu dengan cara yang patut, dan bertakwalah kamu kepada Allah, serta ketahuilah, sesungguhnya Allah sentiasa melihat akan apa jua yang kamu lakukan. (5)

Firman Allah lagi yang bermaksud:

Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya, dan sesiapa yang disempitkan rezekinya, maka hendaklah memberi nafkah dari apa yang diberikan Allah kepadanya (sekadar yang mampu)

Allah tidak memberati seseorang melainkan (sekadar kemampuan) yang diberikan Allah kepadanya (orang-orang yang dalam kesempitan hendaklah ingat bahawa) Allah akan memberikan kesenangan sesudah berlakunya kesusahan. (6)

Diriwayatkan daripada Aisyah R.D. katanya yang bermaksud:

Telah datang Hindun bt. Utbah (isteri Abu Sufyan) menemui Rasulullah S.A.W. dan berkata wahai Rasulullah sesungguhnya Abu Sufyan itu orang yang kikir, ia tidak memberi nafkah pada ku yang mencukupi keperluan ku dan keperluan anak-anak ku kecuali apa-apa yang aku ambil dari hartanya dengan tidak setahu dia. Apakah perbuatan ku itu berdosa? Jawab Baginda Rasulullah S.A.W. ambillah hartanya secukup keperluan mu dan keperluan anak-anak mu dengan cara yang baik. (7)

Diriwayatkan daripada Jabir daripada Nabi S.A.W. dalam hadis yang panjang lebar tentang isteri-isteri.

Baginda bersabda yang maksudnya:

Hak mereka (isteri) atas kamu (kaum lelaki) memberi nafkah dan pakaian kepada mereka dengan cara yang baik. (8)

Sebab-sebab wajib nafkah kepada isteri ini antara lain ialah kerana seseorang bila diakad nikahkannya atau dijabkabul maka jadilah dia isteri kepada seorang lelaki yang dengan sendiri akan terikat kepada kewajipan-kewajipan sebagai seorang isteri antaranya dia wajib taat kepada suaminya, tetap di rumah, mentadbir rumahtangga, menjaga anak-anak dan lain-lain lagi dan sebagai balasan kepada itu semua maka kewajipan dan tanggungjawab dalam memberi nafkah adalah kekal selama perkahwinan itu maseh kekal, isteri tidak menderhaka akan suaminya atau oleh sebab-sebab lain yang membawa kepada tidak wajib nafkah.

(5) Al-Quran surah Al Bakarah ayat 233

(6) " " Al Talak " 7

(7) Riwayat Bukhari dan Muslim

(8) Riwayat Muslim

Kadar Nafkah

Kadar nafkah seseorang isteri adalah bergantung dan ditentukan berdasar kepada keupayaan dan kemampuan suami, ertinya dilihat kepada sumber kewangan suami itu samada dia berharta atau tidak tapi walau bagaimanapun nafkah yang dikenakan hendaklah jangan kurang daripada satu kadar yang boleh menampung keperluan asasi isteri.

Dalam enactment pentadbiran Hukum Syarak Terengganu bil. 4 tahun 1955 ada di peruntukkan iaitu Sek. 117(1) bagi maksud isteri mendapatkan nafkah melalui Mahkamah Syariah.

Sek. 117 (1) berbunyi:

Bolehlah perempuan yang bernikah dengan cara membuat permintaan didalam Mahkamah Kadi mendapatkan satu hukuman diatas suaminya supaya membayar dari satu masa ke satu masa apa-apa jumlah wang kerana nafkah yang ia berhak mengikut Hukum Syarak.

Satu contoh kes nafkah di bawah Sek. 117(1) yang diputuskan

Wan Zakiah @ Wan Rokiah lawan Wan Jusoh @ Wan Ghazali:

Dalam kes ini yang menuntut pohon mahkamah hukum lazim yangkena tuntutan bayar nafkah kepada Yang Menuntut selama ia ditinggal satu tahun satu bulan sebanyak \$80.00 sebulan dan dibayar melalui majikannya.

Mahkamah dalam keputusannya pada 28hb. Dis. 1976 telah menghukum lazim Yangkena Tuntut membayar nafkah kepada Yang Menuntut sebanyak \$40.00 sebulan bagi selama tempoh 14 bulan yang berjumlah semuanya \$560.00.

Bayar cara ansuran \$50.00 sebulan sehingga jelas, sekiranya Yangkena Tuntut engkar dari membayarnya maka bayaran akan dibuat dengan potongan pendapatan mengikut di bawah Akta 8/68.

Nafkah perempuan dalam eddah

Sebagaimana nafkah kepada isteri hukumnya wajib begitu juga hukumnya kepada isteri yang dicerai yang dalam eddah mengandung samada isteri yang dicerai itu boleh dirujuk atau tidak.

Firman Allah yang maksudnya:

Tempatkanlah isteri-isteri (yang menjalani eddahnya) itu di tempat kediaman kamu sesuai dengan kemampuan kamu dan janganlah kamu adakan sesuatu yang menyakiti mereka (pada tempat tinggal itu) dengan tujuan kamu hendak menyusahkan kedudukan mereka supaya mereka keluar meninggalkan tempat itu).

Dan jika mereka berkeadaan sedang mengandung, maka berikanlah kepada mereka nafkahnya sehingga mereka melahirkan anak yang dikandungnya, kemudian jika mereka menyusukan anak untuk kamu, maka berikanlah kepada mereka upahnya, dan bermisyuaratlah antara kamu (dalam hal menyusunya) dengan cara yang baik dan (sebaliknya) jika kamu (dari kedua pihak) mengalami kesulitan maka bolehlah perempuan lain menyusukan anak itu untuknya. (9)

Sek. 117 (2) dalam enactment Pentadbiran Hukum Syarak bil.4 tahun 1955 Terengganu diperuntukkan bagi membolehkan perempuan yang dicerai mendapat nafkah daripada bekas suaminya.

Sek. 117 (2) berbunyi:

Seorang perempuan yang telah dicerai bolehlah dengan permintaan di Mahkamah Kadi untuk mendapatkan suatu perintah diatas bekas suaminya membayar di dalam masa tempoh eddahnya, jika perceraian itu dengan satu atau dua talak atau dalam mana-mana perkara di dalam masa ia mengandung dengan bekas suaminya itu akan apa-apa belanja nafkah yang ia terhak kepadanya mengikut Hukum Syarak.

(9) Al Quran Surah Al Talak Ayat 6.

Satu contoh kes tuntutan nafkah Iddah mengandungi di bawah Sek. 117 (2) Enactment Bil.4 tahun 1955 Terengganu

Azizah bt. Mohamad lawan Ariffin b. Abdul Rahman

Dalam kes ini yang menuntut pohon nafkah eddah mengandungi daripada bekas suaminya sebanyak \$90.00 untuk selama tiga bulan dan pohon pertimbangan hingga beranak yang akan diberitahu kelak. Kes ini di dengar pada 26hb. Julai, 1972.

Keputusan pada 26hb. Julai, 1972 seperti berikut:

Mahkamah hukum lazim Ariffin b. Abdul Rahman membayar nafkah mengandungi kepada Azizah bt. Mohamad mulai dari 29hb. Mac, 1972 pada tiap-tiap bulan sebanyak \$20.00 sebulan.

Kewajipan bernafkah antara anggota keluarga

Ahli-ahli fekah sekata dan sependapat bahawa di antara anggota keluarga ada terdapat kewajipan bernafkah antara anggotanya bila ada atau terdapat syarat-syarat wajibnya, namun demikian ahli-ahli fekah tadi berselisih pendapat mengenai anggota-anggota kerabat (keluarga) yang wajib memberi dan diberi nafkah itu.

Imam Al Safee Rahimahullah berpendapat bahawa yang wajib memberi dan diberi nafkah itu hanyalah dalam lengkongan bapa dan datuk keatas dan anak dan cucu kebawah.

Diwajibkan nafkah ini adalah bagi maksud membantu atau menampung keperluan anggota Yang Menuntut nafkah itu dan apa yang jelas daripada huraian ahli-ahli fekah bahawa nafkah yang diwajibkan tadi hanyalah sekadar cukup bagi keperluan orang yang diberi nafkah itu manakala kepada pemberi nafkah itu pula adalah difardukan sekadar kuasanya yang selebih daripada keperluan asasinya.

Berkenaan nafkah tersebut terdapat beberapa seksyen dalam Enactment Pentadbiran Hukum Syarak bil.4 tahun 1955 Terengganu.

I. Sek. 118 (1) yang berbunyi:

Seorang kanak-kanak yang berumur kebawah 18 tahun bolehlah dengan permintaan di Mahkamah Kadi, samaada permintaan itu ia sendiri membuatnya atau menerusi wakil sebagaimana yang ditetapkan, mendapatkan perintah keatas bapanya yang sebenar atau atas mana-mana orang lain yang tertanggung mengikut Hukum Syarak pada membantunya, supaya membayar daripada satu masa ke satu masa akan seberapa jumlah wang kerana nafkah hidupnya yang ia berhak mendapatnya mengikut Hukum Syarak.

II. Sek. 118 (2) berbunyi:

Maka hendaklah menjadi jawapan yang secukup bagi mana-mana permintaan yang demikian jika Yangkena Tuntut itu menerangkan bahawa orang Yang Menuntut itu ada pendapatan yang cukup kerana kehidupannya.

III. Sek. 119 (1) berbunyi:

Mana-mana orang yang hilang daya upaya daripada mencari nafkah kehidupan dirinya kerana uzur atau berpenyakit bolehlah dengan membuat permintaan didalam Mahkamah Kadi mendapatkan perintah keatas mana-mana orang yang terkena mengikut Hukum Syarak menanggung nafkahnya supaya membayar dari satu masa ke satu masa akan apa-apa jumlah wang kerana pemeliharaan kehidupannya mengikut kadar yang berpatutan.

IV. Sek. 119 (2) berbunyi:

Jika orang yang kena minta itu menunjukkan yang ia tidak mampu maka hendaklah iaitu menjadi jawapan yang secukup bagi menolak akan permintaan itu.

Satu contoh kes tuntutan nafkah anak di bawah Sek. 118(1)
Enactment Pentadbiran Hukum Syarak bil.4 tahun 1955 Terengganu

Rokiah bt. Salleh lawan Endut b. Abdullah

Pihak-pihak dalam kes ini telah berkahwin dalam tahun 1969 dan hasil perkahwinan ini dapat seorang anak. Kedua-dua telah bercerai dalam tahun 1970.

Yang Menuntut pohon Kadi bicara buat keputusan pembayaran nafkah seorang anak yang berada dalam jagaannya sebanyak \$40.00 sebulan.

Mahkamah telah memutuskan pada 2hb. Sept. 1977 bahawa tuntutan sabit dan mulai daripada bulan Sept. 1977 lazim Yangkena Tuntut membayar nafkah anaknya Fakhruddin b. Endut sebanyak \$18.00 sebulan sehinggalah anak itu lepas tanggungannya.

Satu keadaan yang elok juga dibawa kesini iaitu dalam pelaksanaan keputusan ada juga Mahkamah terima pengaduan tentang keengganan Yangkena Tuntut dalam membayar nafkah seperti mana yang telah diputuskan samaada tidak membayar keseluruhan atau sebahagiannya maka Mahkamah dalam keadaan ini boleh menguatkuasa keputusan itu mengikut Sek.122 Enactment Pentadbiran Hukum Syarak bil.4 tahun 1955 Terengganu yang berbunyi:

Dengan tidak mencatitkan akan hak mana-mana orang yang bersabit di bawah mana-mana perintah yang diperbuat di bawah bahagian ini daripada undang-undang ini memaksa perjalanan-perjalanan perintah itu dengan melalui Mahkamah Majistret atau di dalam Mahkamah Kadi Besar mengikut peraturan yang dibuat di bawah undang-undang ini maka Mahkamah yang membuat perintah itu bolehlah dengan tidak menghiraukan apa-apa syarat di dalam undang-undang ini yang menyekatkan kuasa jenayah atau kuasa hukuman dalam perkara dengan sengaja. Tidak menurut perintah itu, menjatuhkan hukuman penjara kerana kemungkiran yang boleh dilanjutkan jika perintah itu membenar bayaran dengan ansuran bulan-bulan. Satu minggu bagi tiap-tiap bulan yang elau atau bahagian daripadanya tidak dijelas tetapi tidak lebih dari satu bulan jumlah semuanya.

SEKSYEN-SEKSYEN YANG TERLIBAT DENGAN TAJUK
KAJIAN

- Seksyen 105(1) Seorang perempuan yang bernikah jika terhak kepada perceraian dengan mengikut syarat surat ta'aliknya yang diperbuat tatekala bernikah, bolehlah menuntut kepada Kadi supaya membuat keputusan menyatakan bahawa perceraian itu telah berlaku.
- 105(2) Maka hendaklah Kadi itu memeriksa permohonan itu dan membuat apa-apa penyiasatan yang nampak kepadanya wajib untuk menentukan di atas sah atau tidak perceraian itu dan hendaklah, jika ia puashati yang perceraian itu sah mengikut Hukum Syarak, dan apabila dibayar belanja yang ditetapkan baginya, mengesahkan perceraian itu dan daftarkan dan keluarkan surat-surat akuan cerai bagaimana yang sama dengan yang telah lalu sebutannya itu.
- Seksyen 117(1) Bolehlah perempuan yang bernikah dengan cara membuat permintaan di dalam Mahkamah Kadi mendapatkan satu hukuman di atas suaminya supaya membayar dari satu masa ke satu masa apa-apa jumlah wang kerana nafkah yang ia berhak mengikut Hukum Syarak.
- 117(2) Seorang perempuan yang telah dicerai bolehlah dengan permintaan di Mahkamah Kadi untuk mendapatkan suatu perintah di atas bekas suaminya supaya membayar di dalam masa tempoh edahnya jika perceraian itu dengan satu atau dua talak atau dalam mana-mana perkara di dalam masa ia mengandung dengan bekas suaminya itu akan apa-apa belanja nafkah yang ia terhak kepada mengikut Hukum Syarak.

Seksyen 118(1) Seorang kanak-kanak yang berumur kebawah daripada 18 tahun bolehlah dengan permintaan di Mahkamah Kadi samaada permintaan itu sendiri membuatnya atau menerusi wakil sebagaimana yang ditetapkan, mendapatkan perintah ke atas bapanya yang sebenar atau mana-mana orang lain yang bertanggung mengikut Hukum Syarak pada membantunya supaya membayar daripada satu masa ke satu masa akan seberapa jumlah wang kerana nafkah hidupnya yang ia berhak mendapat nya mengikut Hukum Syarak.

118(2) Maka hendaklah menjadi jawapan yang secukup bagi mana-mana permintaan yang demikian jika yangkena tuntutan itu menerangkan bahawa orang yang menuntut itu ada pendapatan yang cukup kerana kehidupannya.

Seksyen 119(1) Mana-mana orang yang hilang daya upaya daripada mencari nafkah kehidupan dirinya kerana uzur atau berpenyakit bolehlah dengan membuat permintaan di dalam Mahkamah Kadi mendapat perintah ke atas mana-mana orang yang terkena mengikut Hukum Syarak menanggung nafkahnya supaya membayar dari satu masa ke satu masa akan apa-apa jumlah wang kerana pemeliharaan kehidupannya mengikut kadar yang berpatutan.

119(2) Jika orang yang kena minta itu menunjukkan yang ia tidak mampu maka hendaklah iaitu menjadi jawapan yang secukup bagi menolak akan permintaan itu.

Ishak bin Mat Jid

Lawan

Fatimah (Dasimah) binti Said

Mahkamah Kadi Kuala Terengganu (Haji Wan Abdul
Manan bin Yaacob) 25hb. Mac, 1974

Kuala Terengganu Kes Mal No.34/74

Pengaduan Taklik Talak Undang-Undang Pentadbiran
Hukum Syarak Terengganu 1955 Sek. 105(1)

Penak-pehak Yang Menuntut dan Yangkena Tuntut dalam kes ini telah berkahwin yang sah pada Syarak pada 5hb. Februari, 1968 dihadapan Jurunikah Haji Abdullah bin Mat Zin, Kampong Merbau Patah, Kuala Terengganu.

Lepas akad nikah Yangkena Tuntut ada berlafaz ta'alik keatas isterinya Yang Menuntut.

Lepas kahwin kedua-dua Yang Menuntut dan Yangkena Tuntut telah berbaik-baik dan duduk bersama lebih kurang setahun empat bulan di Kampong Melintang, Kuala Terengganu di rumah ibu Yang Menuntut.

Dalam tahun 1969 Yangkena Tuntut telah meninggal isterinya Yang Menuntut dan tidak balik-balik bersekedudukan hingga ke hari ini 25hb. Mac, 1974 dan dari semenjak itu Yang Menuntut tidak pernah mendengar apa-apa perkhabaran mengenainya.

Yang Menuntut pohon Mahkamah membuat keputusan tertalaknya daripada suaminya itu menurut ta'aliknya.

Yang Menuntut Fatimah @ Dasimah bt. Said hadir bersendirian, tetapi Yangkena Tuntut Ishak bin Mat Jid tidak hadir tanpa sebarang kenyataan. Sehelai notis telah dikeluarkan dan telah ditampalkan di Masjid Kg. Melintang, Kuala Terengganu pada 15hb. Mac, 1974 bagaimana pengakuan Penghantar Saman Mahkamah ini di belakang kopi notis bertanda P/S bil.(2) dalam ini.

Keterangan Yang Menuntut

Yang menuntut dengan bersumpah memberi keterangan katanya nama saya Fatimah @ Dasimah binti Said K.P: 3172047 berumur 24 tahun duduk di Kg. Melintang Chabang Tiga, Kuala Terengganu. Pekerjaan sebagai ahli rumah dan katanya lagi saya datang ini kerana saya ada mengadu ta'alik ke atas Ishak bin Mat Jid suami saya telah menikah yang sah pada Syarak pada 5hb. Februari, 1968 di Kg. Melintang, Jurunikah Haji Abdullah, Merbau Patah, Kuala Terengganu.

Yangkena Tuntut telah berta'alik keatas saya semasa diterima akad nikah itu tetapi saya tidak ingat lafaz ta'alik itu iaitu bagaimana lafaz yang ada dalam borang 'N' kembaran ini.

Selepas berkahwin saya telah berbaik dan bersekedudukan dengan Yangkena Tuntut itu selama lebih kurang setahun empat bulan di Kampong Melintang di rumah ibu saya pada tahun 1969, Yangkena Tuntut ini telah tinggal akan saya daripada rumah tempat sekedudukan dengan dia dan tidak balik-balik hingga sekarang ini 25hb. Mac, 1974 sudah empat tahun lebih lamanya.

Dalam masa peninggalan ini saya tidak pernah pun jumpa sekalipun dengan Yangkena Tuntut ini dan tidak pernah pun Yangkena Tuntut ini balik ke rumah ibu saya, sekarang ini saya tidak dengar perkhabaran tentang dirinya samaada mati atau hidup sejak ianya tinggal akan saya.

Saya datang ini memohon kepada Mahkamah supaya dibuat keputusan tertalak saya daripada suami saya Yangkena Tuntut ini menurut ta'alik akan saya.

Keterangan Saksi Yang Menuntut I

Dengan bersumpah katanya nama saya Muda bin Mohamad K.P: 4028226 umur lebih kurang 43 tahun tinggal di Kampong Melintang, pekerjaan Tukang Kebun Sekolah Menengah Padang Midin, Kuala Terengganu.

Saya datang ini kerana menjadi saksi bagi penak Fatimah atau Dasimah ini, katanya setelah diminta ianya menaik saksi, saya naik saksi pada kira-kira dalam bulan Februari, 1968. Saya sendiri ada hadir dalam majlis akad nikah diantara Fatimah @ Dasimah bt. Said dengan Ishak bin Mat Jid.

Selepas terima akad nikah, Ishak bin Mat Jid ada berta'alik keatas isterinya dengan katanya, iaitu bagaimana lafaz yang ada didalam surat ta'alik kembaran ini No. 1228 D. Setelah dibaca dan didengar oleh saksi ini maka ianya mengaku bahawa yang didengar itu ialah lafaz yang sebenar dita'alik oleh Ishak akan isterinya Fatimah @ Dasimah ini, ta'alik ini dibaca oleh Imam Haji Abdullah bin Mat Zin, Merbau Patah dan diikuti oleh Ishak suami Dasimah ini, saya dengar betul-betul ta'alik itu dan saya sendiri jadi saksi nikah, nikah malam itu didalam rumah Haji Abdullah Jurunikah (wakaf Haji Yusuff).

Saya naik saksi bahawa pada mula berkahwin Ishak b. Mat Jid dan Dasimah bt. Said isterinya duduk di rumah ibu Dasimah bt. Said isterinya duduk di rumah ibunya di Kg. Melintang.

Kira-kira dalam bulan September, 1969 Ishak b. Mat Jid suami kepada Fatimah @ Dasimah ini telah tinggal akan isterinya daripada rumah tempat sekedudukan di Kampong Melintang dan saya tidak tengok ianya balik ke rumah isterinya ini hinggalah sekarang ini lebih kurang 4 tahun itu. Itulah sahaja.

Yang Menuntut tidak soal apa-apa.

Saksi Jawab Soal Mahkamah

Yang saya kata Ishak ini tidak balik kerana saya tidak rajin tengok dan orang kampong itu pun kata begitu juga, bagi diri saya sendiri saya yakin dan percaya bahawa Yangkena Tuntut ini tidak balik ke rumah Dasimah ini, rumah saya dekat dengan rumah Yang menuntut ini lebih kurang 30 kaki sahaja jaraknya.

Keterangan Saksi Yang Menuntut II

Dengan bersumpah katanya nama saya Ismail bin Abdullah K.P: 1473173 umur 32 tahun Kampong Melintang, Kuala Terengganu, pekerjaan sendiri dan katanya lagi setelah diminta ianya menaik saksi.

Saya naik saksi bahawa saya pada kira-kira bulan Februari 1968 saya ada hadir dalam majlis perkahwinan diantara Ishak bin Mat Jid dengan Dasimah dan maskahwinnya saya pun lupa, saya tidak jadi saksi nikah pada malam itu cuma hadir sahaja. Jurunikah ialah Haji Abdullah bin Mat Zin, Merbau Patah.

Selepas menerima akad nikah itu Ishak bin Mat Jid ada membuat ta'alik ke atas isterinya Fatimah @ Dasimah ini dengan katanya, iaitu bagaimana lafaz yang ada didalam borang ta'alik No. 1228 D, kembaran ini. Ishak ini ikut Haji Abdullah Jurunikah membaca ta'alik. Saya ada dengar Ishak ini berta'alik akan isterinya.

Saya naik saksi bahawa Ishak dan Dasimah isterinya telah bersekedudukan pada mulanya di rumah ibu kepada Dasimah ini di Kg. Melintang, Kuala Terengganu lebih kurang dalam setahun mereka berdua berbaik-baik tiba-tiba Ishak suami kepada Dasimah ini telah tinggal isterinya daripada rumah ibu Dasimah iaitu rumah tempat sekedudukan di Kampung Melintang kira-kira dalam bulan September, 1969 dan Ishak bin Mat Jid ini tidak balik ke rumah Dasimah isterinya sejak daripada tarikh ia tinggal itu hingga sekarang ini 25hb. Mac, 1974 lebih kurang 4 tahun lamanya dengan tidak putus-putus dan telah lebih daripada ta'alik 4 bulan itu. Itulah sahaja.

Yang Menuntut tidak soal apa-apa.

Saksi Menjawab Soal Mahkamah

Rumah saya dekat dengan rumah Dasimah ini. Saya selalu pergi ke rumahnya kerana ibunya berjual. Kiranya Ishak ini balik tentu ada desas-desus orang mengatakan Ishak ini ada balik.

Saya percaya dan yakin bahawa Ishak ini tidak balik sejak daripada tarikh ianya tinggal hingga sekarang ini.

Setelah Mahkamah memberi faham kepada Yang Menuntut ini maka jawabnya saya berani dan sanggup bersumpah hari ini juga. Lafaz sumpah Yamin Al Istizhar oleh Fatimah @ Dasimah bt. Said. WALLAHI demi Allah bahawa sesungguhnya pada 2hb. September, 1969 suami saya Ishak b. Mat Jin Yangkena Tuntut ini telah tinggal akan saya di rumah tempat sekedudukan dengan dia di Kampung Melintang, Kuala Terengganu dan sesungguhnya saya telah tidak sekedudukan dengan Yangkena Tuntut ini hingga sekarang ini 25hb. Mac, 1974 berjumlah 4 tahun enam bulan dan dua puluh tiga hari lamanya dengan tidak putus-putus dan telah lebih daripada ta'alik empat bulan itu.

Yang Menuntut telah berlafaz sumpah dihadapan saya sendiri hari ini bagaimana lafaz diatas.

Keputusan pada 25hb. Mac, 1974

Dengan saksi-saksinya yang dibawa oleh Yang Menuntut Fatimah @ Dasimah bt. Said telah sabit dakwaannya disisi saya.

Hari ini tertalakah Fatimah @ Dasimah bt. Said ini dengan satu talak daripada suaminya menurut ta'alik.

Nik Abdullah bin Raja Talib

Lawan

Tuan Hamidah bt. Ibrahim

Mahkamah Kadi Kuala Terengganu (Hj. Mohd Yusoff b. Hj. Abd. Manaf) 14hb. Disember, 1976.

Kuala Terengganu Kes Mal No. 132/1976

Pohon Membuat Keputusan Ta'alik Talaknya
Sek.105 (1) Undang-Undang Pentadbiran
Hukum Syarak Terengganu 1955

Pihak-pihak dalam kes ini telah berkahwin yang sah pada Syarak pada 2hb. April, 1976 dihadapan Jurunika Hj. Abu Bakar bin Ngah bagaimana surat keterangan nikah 23/76 Pengkalan Merbau.

Yangkena Tuntut lepas daripada akad nikah itu ada berlafaz ta'alik akan isterinya Yang Menuntut.

Lepas berkahwin kedua-dua Yang Menuntut dan Yangkena Tuntut telah berbaik-baik dan duduk bersama bagaimana adat orang bersuami isteri di rumah di Kampong Payong, Hulu Nerus, Kuala Terengganu.

Pada 17hb. April, 1976 Yangkena Tuntut telah menceraikan isterinya Yang Menuntut dan rojok semula dengan tidak redanya dan kemudian daripada itu Yangkena Tuntut tinggalkan Yang Menuntut tidak balik berbaik dan bersekedudukan hingga ke tarikh ini dan tidak diketahui pula tempat Yangkena Tuntut berada sekarang.

Yangkena Tuntut pohon Mahkamah memutuskan talaknya menurut ta'alik yang dilafazkan keatasnya oleh Yangkena Tuntut itu.

Yang Menuntut hadir sendiri, Yangkena Tuntut tidak hadir, surat saman telah disampaikan kepada bapanya di Kampong Jelawat melalui Kadi Bacok.